

LAPORAN PENYELIDIKAN

**PENGEKALAN HAFAZAN PELAJAR SEMESTER ENAM
PROGRAM PENGAJIAN DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN**

DISEDIAKAN OLEH :

MUHAMMAD TORIQ BIN YAACOB

DARUL QURAN
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

2018

BAB 1

Pengenalan

1.4 Objektif Kajian

- 1) Mengetahui tahap pencapaian hafazan pelajar semester enam Program Diploma Tahfiz al-Quran
- 2) Mengetahui tahap ulangan hafazan yang dilakukan oleh pelajar semester enam Program Diploma Tahfiz al-Quran
- 3) Mengenal pasti tahap penguasaan hafazan pelajar semester enam Program Diploma Tahfiz al-Quran
- 4) Mengenal pasti tahap penyertaan pelajar dalam aktiviti hafazan al-Quran
- 5) Mengenal pasti pengendalian hafazan al-Quran pelajar semester enam Program Diploma Tahfiz

1.9 Definisi Istilah Kajian

Definisi istilah kajian adalah bagi menjelaskan penggunaan perkataan dalam kajian ini iaitu pengejalan hafazan, pencapaian hafazan, penguasaan hafazan, aktiviti hafazan, ulangan hafazan dan pengejalan hafazan.

1.9.1 Pengejalan Hafazan

Menurut Siti Nor Azimah Sabaruddin, Tengku Intan Zarina Tengku Puji et.al (2016) menghafal ayat-ayat al-Quran memerlukan kesabaran dan disiplin yang tinggi untuk mencapai jumlah sasaran ayat-ayat yang perlu dihafal pada satu-satu masa. Pelajar perlu mempersiapkan diri dalam menghadapi segala bentuk permasalahan apabila ia mula menghafal dan mengejalan hafalan dengan cara melaksanakan pengulangan hafalan secara konsisten. Oleh itu, bagi mengejalan hafazan tersebut, beberapa langkah perlu diambil oleh huffaz antaranya ialah mereka perlu konsisten dalam mengulang dan mengkhataamkan bacaan al-Quran; membaca al-Quran pada waktu malam; serta memelihara hafazan al-Quran dalam ingatan. Pengejalan hafazan (Muraj'ah/T'adah) merupakan peringkat hafazan al-Quran yang dihafaz tersimpan dalam ingatan. Manakala maksud kaedah *Taqrir* atau mengulang-ulang ialah pengulangan yang dibuat oleh penghafaz al-Quran untuk mengekal dan mengukuhkannya dalam ingatan. Ini bertujuan bagi mengejalan hafazan tersebut supaya tidak lupa atau hilang dari ingatan (Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi & Mohd Abdul Nasir Abd Latif, 2016).

1.9.2 Pencapaian Hafazan

Menurut Ahmad Johari Sihes, Safiah Ahmad (t.t) pencapaian pelajar adalah *Cumulative Point Average* atau purata himpunan mata nilai yang diperoleh bagi semua semester yang telah diikuti (CPA) yang diperolehi oleh pelajar daripada semester pertama hingga semester kajian ini dijalankan. Manakala Jamaludin Ramli dan Naswa Jusoh (2011) pula mengatakan tahap penguasaan ilmu adalah merujuk kepada pencapaian prestasi akademik seseorang pelajar yang dapat diperolehi melalui purata nilai gred tertinggi yang dapat dikumpul oleh pelajar tersebut.

1.9.3 Penguasaan Hafazan

Penguasaan bermaksud perihal menguasai atau menguasai. Penguasaan berasal daripada perkataan kuasa. Kuasa memberi maksud daya atau kemampuan, keupayaan, kekuatan, tenaga (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2005). Oleh itu, penguasaan hafazan di dalam kajian ini adalah membawa maksud daya atau kemampuan hafazan pelajar yang menggambarkan perihal pelajar tersebut menguasai hafazan al-Quran mereka.

1.9.4 Aktiviti Hafazan

Terdapat kaitan antara aktiviti dan pengukuhan hafazan. Menurut Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi dan Mohd Abdul Nasir Abd Latif (2016) pengukuhan didefinisikan sebagai aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh guru selepas pengajaran dan

pembelajaran dalam pelbagai bentuk latihan. Manakala pengukuhan didefinisikan sebagai aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh guru selepas pengajaran dan pembelajaran dalam pelbagai bentuk latihan.

1.9.5 Ulangan Hafazan

Teknik hafazan yang biasa digunakan adalah secara pengucapan berulang kali (*rote learning*). Teknik pengulangan ini meningkatkan keupayaan otak untuk pembentukan dan pengekalan memori selaras dengan perkembangan masa dan jumlah ayat yang dihafaz (Ismarulyusda Ishak et.al, 2016). Menurut sebahagian guru al-Quran ayat-ayat yang dihafaz perlu diulang dalam tempoh yang singkat dengan setiap 10 hari perlu kepada sekali ulangan. Hafazan yang tidak ingat memerlukan usaha untuk mengingatkan kembali. Oleh itu, antara usaha yang perlu dilakukan setiap hari ialah melakukan ulangan sehelai atau dua helai pada helaian yang lupa (Khairul Anuar Mohamad, 2016). Bagi pelajar yang menghafaz al-Quran, mereka perlu mempersiapkan untuk berhadapan dengan masalah hafazan bermula ketika menghafal dan mengekalkan hafalan dengan melaksanakan ulangan hafazan secara konsisten. Hafalan amat mudah hilang dari ingatan kecuali mereka yang benar-benar memastikan pemeliharaannya (Siti Nor Azimah Sabaruddin, Tengku Intan Zarina Tengku Puji et.al ,2016). Ahmad Zulfiqar Shah Abdul Hadi dan Mohd Abdul Nasir Abd latif (2016) menjelaskan bahawa Maksud kaedah Taqrir atau mengulang-ulang ialah pengulangan yang dibuat oleh penghafaz al-Quran untuk mengekal dan mengukuhkannya dalam

ingatan. Ini bertujuan bagi mengekalkan hafazan tersebut supaya tidak lupa atau hilang dari ingatan.

DARUL QURAN JAKIM

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pendahuluan

Kajian ini mengenai pengejalan hafazan pelajar semester enam Diploma Tahfiz al-Quran Darul Quran, Jakim. Bab ini menerangkan reka bentuk kajian, lokasi kajian, populasi dan sampel kajian, instrumen kajian, prosedur pengumpulan data dan seterusnya prosedur penganalisan data.

3.1 Rekabentuk Kajian

Kajian ini ialah kajian keratan rentas kuantitatif yang menggunakan set soalan kaji selidik yang telah ditetapkan. Menurut Lay Yoon Fah & Khoo Chwee Hoon (2014), kajian tinjauan adalah reka bentuk kajian yang paling sesuai untuk mengetahui perasaan, perbuatan dan pemikiran kelompok manusia tertentu. Penyelidik dapat meninjau kepercayaan, sikap, tingkah laku dan persepsi responden yang dikaji dengan menggunakan item-item soal selidik. Reka bentuk ini juga telah terbukti sebagai medium penting bagi mengumpul maklumat berkaitan dengan pendapat dan sikap kelompok manusia tertentu tentang isu-isu budaya, sosial, ekonomi dan politik. Selain itu, reka bentuk ini juga boleh digunakan untuk menjelaskan berbezaan dan hubungan antara pemboleh ubah yang ingin dikaji.

Penggunaan reka bentuk kajian ini membolehkan pengkaji mengenal pasti persoalan kajian dari konteks yang lebih menyeluruh. Selain itu, kajian tinjauan ini mampu memberi maklumat daripada sampel yang besar dan mendapat keputusan analisis dalam masa yang singkat. Penggunaan reka bentuk kajian ini juga dapat memberi gambaran tentang pengekalan hafazan pelajar semester enam Diploma Tahfiz al-Quran Darul Quran, Jakim.

3.2 Lokasi Kajian

Lokasi kajian ialah di Darul Quran, Jakim Kuala Kubu Bharu, Selangor. Menurut Taylor & Bogdan (1984) aspek yang perlu diberi perhatian dalam memilih lokasi kajian ialah penyelidik merasa senang untuk membuat penilaian, menjalinkan hubungan dengan responden serta dapat mengumpul data dengan tepat menurut minat penyelidik.

Pemilihan Darul Quran sebagai lokasi kajian ialah kerana Darul Quran menawarkan program Pengajian Peringkat Diploma yang menjadikan Kursus Hifz al-Quran sebagai Kursus Pengajian Teras yang diwajibkan kepada setiap pelajar yang mengikuti Program Pengajian Diploma Tahfiz al-Quran (Kurikulum Darul Quran, 2014).

3.3 Pensampelan Kajian

Reponden kajian ini melibatkan semua pelajar semester enam Program Pengajian Diploma Tahfiz Darul Quran, Jakim sesi November 2017 hingga Februari 2018. Jumlah responden untuk kajian ini ialah seramai 226 orang.

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pendahuluan

Hasil kajian terbahagi kepada analisis statistik daripada pencapaian hafazan al-Quran responden bagi kursus Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri, jumlah ulangan hafazan yang dilakukan oleh responden, penguasaan hafazan responden, aktiviti hafazan responden dan pengejalan hafazan responden.

4.1 Analisis Pencapaian Hafazan Responden

Analisis pencapaian hafazan responden adalah berdasarkan kepada Mata Nilai responden pada Peperiksaan Akhir Semester 5 Sesi Mei hingga Oktober 2017 dan pada Peperiksaan Akhir Semester 6 Sesi November 2017 hingga Februari 2018 bagi kedua-dua kursus iaitu Kursus Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri. Selain itu, analisis juga melibatkan jumlah responden bagi setiap tahap pencapaian hafazan. Akhir sekali analisis adalah melibatkan keseluruhan pencapaian hafazan responden.

4.1.1 Analisis Pencapaian Hafazan Responden pada Peperiksaan Akhir Semester 5 Sesi Mei hingga Oktober 2017

Pencapaian hafazan responden bagi Kursus Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri pada Peperiksaan Akhir Semester 5 Sesi Mei hingga Oktober 2017 dapat dilihat daripada Jadual 4.1. Bagi Kursus Hifz al-Quran Syafawi, skor min ialah pada tahap tinggi iaitu sebanyak 3.278, begitu juga dengan skor min bagi Kursus Hifz al-Quran Tahriri juga pada tahap tinggi iaitu 3.422.

Jadual 4.1

Min, Sisihan Piawai dan Tahap Pencapaian Hafazan Responden bagi Kursus Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri pada Peperiksaan Akhir Semester 5 Sesi Mei hingga Oktober 2017

Mata Nilai	Min	SP	Tahap Pencapaian
Kursus Hifz al-Quran Syafawi	3.278	0.995	Tinggi
Kursus Hifz al-Quran Tahriri	3.422	0.7785	Tinggi

Dari aspek jumlah responden mengikut tahap pencapaian Jadual 4.2 menunjukkan kekerapan responden mengikut tahap pencapaian hafazan pada semester 5. Seramai

71.24% orang responden mempunyai pencapaian pada tahap tinggi diikuti seramai 21.68% pada tahap sederhana manakala hanya 7.08% pada tahap rendah.

Jadual 4.2

Kekerapan Responden Mengikut Tahap Pencapaian Pada Semester 5

Tahap Pencapaian	Julat min	Kekerapan	Peratus
Rendah	0.00 - 2.00	16	7.08%
Sederhana	2.01 - 3.00	49	21.68%
Tinggi	3.01 - 4.00	161	71.24%

4.1.2 Analisis Pencapaian Hafazan Responden pada Peperiksaan Akhir Semester 6 Sesi November 2017 hingga Februari 2018

Pencapaian hafazan responden pada Peperiksaan Akhir Semester 6 Sesi November 2017 hingga Februari 2018 dapat dilihat daripada Jadual 4.3. Bagi Kursus Hifz al-Quran Syafawi, skor min ialah pada tahap sederhana iaitu sebanyak 2.579, begitu juga dengan skor min bagi Kursus Hifz al-Quran Tahriri juga pada tahap sederhana iaitu 2.323.

Jadual 4.3

Min, Sisihan Piawai dan Tahap Pencapaian Hafazan Responden Bagi Kursus Hifz al-Quran Syafawi dan Tahriri pada Peperiksaan Akhir Semester 6 Sesi November 2017 hingga Februari 2018

Mata Nilai	Min	SP	Tahap Pencapaian
Kursus Hifz al-Quran Syafawi	2.579	1.396	Sederhana
Kursus Hifz al-Quran Tahriri	2.323	1.396	Sederhana

Dari aspek jumlah responden mengikut tahap pencapaian Jadual 4.4 menunjukkan kekerapan responden mengikut tahap pencapaian hafazan pada semester 6. Seramai

34.07% orang responden mempunyai pencapaian pada tahap rendah diikuti seramai 33.63% pada tahap tinggi manakala 32.30% pada tahap sederhana.

Jadual 4.4

Kekerapan Responden Mengikut Tahap Pencapaian Hafazan Pada Semester 6

Julat min	Tahap Pencapaian	Kekerapan	Peratus
0.00 - 2.00	Rendah	77	34.07%
2.01 - 3.00	Sederhana	73	32.30%
3.01 - 4.00	Tinggi	76	33.63%

4.1.3 Analisis Keseluruhan Pencapaian Hafazan Responden

Pencapaian keseluruhan hafazan responden dapat dilihat daripada Jadual 4.5 yang menunjukkan pencapain hafazan responden ialah pada tahap sederhana (min=2.878).

Jadual 4.5

Min, Sisihan Piawai dan Tahap Pencapaian Hafazan Responden

Mata Nilai	Min	SP	Tahap Pencapaian
Pencapaian Hafazan Semester 5	3.350	0.834	Tinggi
Pencapaian Hafazan Semester 6	2.406	1.235	Sederhana
Pencapaian Hafazan	2.878	0.384	Sederhana

Dari pencapaian keseluruhan hafazan responden mengikut kursus pula adalah berdasarkan kepada Jadual 4.6. Jadual 4.6 menunjukkan skor min pencapaian hafazan responden bagi Kursus Hifz al-Quran Syafawi ialah 2.92 manakala skor min pencapai hafazan responden Kursus Hifz al-Quran Tahriri ialah 2.82.

Jadual 4.6

Pencapaian Keseluruhan Hafazan Responden Mengikut Kursus

Kursus	Min	SP	Tahap Pencapaian
Kursus Hifz al-Quran Syafawi	2.92	1.00	Sederhana
Kursus Hifz al-Quran Tahriri	2.82	0.96	Sederhana

Dari aspek jumlah responden mengikut tahap pencapaian Jadual 4.7 menunjukkan kekerapan responden mengikut tahap pencapaian hafazan. Seramai 52.20% orang responden mempunyai pencapaian pada tahap tinggi diikuti seramai 27.00% pada tahap sederhana manakala 20.80% pada tahap rendah.

Jadual 4.7

Kekerapan Responden Mengikut Tahap Pencapaian Keseluruhan Hafazan Responden

Tahap Pencapaian	Julat min	Kekerapan	Peratus
Rendah	0.00 - 2.00	47	20.80%
Sederhana	2.01 - 3.00	61	27.00%
Tinggi	3.01 - 4.00	118	52.20%

4.1.4 Analisis Ulangan Hafazan Responden

Analisis ulangan hafazan responden adalah berdasarkan kepada Jadual 4.8. Jadual 4.8 menunjukkan bahawa 87.6% daripada responden membuat ulangan kurang 1 juzuk manakala hanya 12.4% responden membuat ulangan sekurang-kurangnya 3 juzuk sehari. Manakala min bagi ulangan hafazan responden pula adalah pada tahap rendah (min=1.12).

Jadual 4.8

Nilai Min dan Peratus Ulangan Hafazan Responden

Ulangan	Kekerapan/Skor/Peratus/Tahap
N (Kekerapan)	226
Min	1.12
Tahap	Rendah
Kurang 1 juzuk	87.6%
Sekurang-kurangnya 3 juzuk	12.4%

4.1.5 Analisis Penguasaan Hafazan Responden

Analisis penguasaan hafazan responden adalah berdasarkan kepada Jadual 4.9. Jadual 4.9 menunjukkan skor min penguasaan responden bagi setiap juzuk bermula daripada juzuk 1 hingga 30. Dapatan kajian menunjukkan responden mempunyai tahap hafazan tinggi bagi juzuk 1,2,3 dan 30 manakala juzuk-juzuk lain adalah pada tahap sederhana dengan juzuk paling menguasai ialah juzuk 1 (min=3.37) dan juzuk yang paling kurang menguasai ialah juzuk 19 (min=2.14). Manakala skor min penguasaan hafazan responden ialah pada tahap sederhana (min=2.47).

Jadual 4.9

Skor Min dan Penguasaan Hafazan Responden Bermula Juzuk 1 hingga 30

Juzuk	Min	Tahap Penguasaan
Juzuk 19	2.14	Sederhana
Juzuk 22	2.17	Sederhana
Juzuk 17	2.18	Sederhana
Juzuk 20	2.18	Sederhana
Juzuk 21	2.21	Sederhana
Juzuk 24	2.23	Sederhana
Juzuk 25	2.23	Sederhana
Juzuk 18	2.26	Sederhana
Juzuk 26	2.26	Sederhana

Juzuk 11	2.28	Sederhana
Juzuk 14	2.29	Sederhana
Juzuk 9	2.3	Sederhana
Juzuk 10	2.32	Sederhana
Juzuk 16	2.33	Sederhana
Juzuk 8	2.34	Sederhana
Juzuk 23	2.34	Sederhana
Juzuk 7	2.37	Sederhana
Juzuk 13	2.39	Sederhana
Juzuk 27	2.42	Sederhana
Juzuk 28	2.49	Sederhana
Juzuk 15	2.5	Sederhana
Juzuk 6	2.51	Sederhana
Juzuk 12	2.57	Sederhana
Juzuk 5	2.61	Sederhana
Juzuk 29	2.68	Sederhana
Juzuk 4	2.71	Sederhana
Juzuk 3	3.08	Tinggi
Juzuk 2	3.19	Tinggi
Juzuk 30	3.23	Tinggi
Juzuk 1	3.37	Tinggi
Penguasaan	2.47	Sederhana

Dari aspek jumlah responden mengikut tahap penguasaan hafazan pelajar adalah berdasarkan Jadual 4.10. Jadual 4.10 menunjukkan kekerapan responden mengikut tahap penguasaan hafazan. Seramai 78.76% orang responden mempunyai pencapaian pada tahap sederhana diikuti seramai 12.83% pada tahap tinggi manakala 8.41% pada tahap rendah.

Jadual 4.10

Kekerapan Responden Mengikut Tahap Penguasaan Hafazan Responden

Tahap Pencapaian	Julat min	Kekerapan	Peratus
Rendah	0.00 - 2.00	19	8.41%
Sederhana	2.01 - 3.00	178	78.76%
Tinggi	3.01 - 4.00	29	12.83%

4.1.6 Analisis Aktiviti Hafazan Responden

Analisis aktiviti hafazan responden adalah berdasarkan kepada Jadual 4.11 yang terdiri daripada sembilan item. Bagi item “saya murajaah hafazan setiap hari”. Bilangan responden yang kerap melakukan aktiviti ini adalah seramai 52.2% berbanding seramai 26.5% jarang-jarang melakukan aktiviti ini. Ini diikuti seramai 19.9% sangat kerap melakukan aktiviti ini dan hanya 1.3% sahaja yang tidak pernah melakukan aktiviti ini. Skor min yang diperolehi ialah pada tahap sederhana (min=2.91).

Sementara itu, bagi item “Saya melakukan murajaah dengan melihat kefahaman makna ayat” pula, seramai 43.4% responden jarang-jarang melakukan aktiviti ini, seramai 32.7% pula melakukannya secara kerap, 20.8% melakukannya secara sangat kerap dan hanya 3.1% sahaja tidak pernah melakukannya. Skor min bagi item ini adalah pada tahap sederhana (min=2.71). Bagi item “Saya melakukan murajaah dengan tasmi bersama kawan”, seramai 60.6% jarang-jarang melakukannya, 24.3% pula kerap melakukannya, 8.0% tidak pernah melakukannya dan 7.1% sangat kerap melakukannya. Skor min bagi item ini adalah pada tahap sederhana (min=2.31). Bagi item “Saya melakukan murajaah dengan tasmi bersama guru”, seramai 48.7% jarang-jarang melakukannya, 28.3% pula kerap melakukannya, 14.6% tidak pernah melakukannya dan 8.4% sangat kerap melakukannya. Skor min bagi item ini adalah pada tahap sederhana (min=2.31). Bagi item “Saya menduduki ujian syafawi al-Quran 30 juzuk al-Quran”, seramai 50.4% tidak pernah melakukannya, 26.1% pula jarang melakukannya, 14.3% kerap melakukannya dan 9.3% sangat kerap melakukannya. Skor min bagi item ini adalah pada tahap rendah (min=1.82). Bagi item “Saya menduduki ujian tahriri al-

Quran 30 juzuk al-Quran”, seramai 51.8% tidak pernah melakukannya, 25.2% pula jarang melakukannya, 13.7% kerap melakukannya dan 9.3% sangat kerap melakukannya. Skor min bagi item ini adalah pada tahap rendah (min=1.81). Bagi item “Saya menulis ayat-ayat yang sukar untuk diingatkan semasa murajaah” pula, seramai 47.3% responden jarang-jarang melakukan aktiviti ini, seramai 36.7% pula tidak pernah melakukannya, 12.4% melakukannya secara kerap dan hanya 3.5% sahaja sangat kerap melakukannya. Skor min bagi item ini adalah pada tahap rendah (min=1.83). Bagi item “Saya melakukan ujian tebuk sama ada dengan rakan atau guru” pula, seramai 53.1% responden jarang-jarang melakukan aktiviti ini, seramai 29.6% pula kerap melakukannya, 9.3% tidak pernah melakukannya dan hanya 8.0% sahaja sangat kerap melakukannya. Skor min bagi item ini adalah pada tahap sederhana (min=2.36). Bagi item “Saya melakukan murajaah di dalam solat” pula, seramai 64.2% responden jarang-jarang melakukan aktiviti ini, seramai 25.2% pula kerap melakukannya, dan masing-masing seramai 5.3% tidak pernah dan sangat kerap melakukannya. Skor min bagi item ini adalah pada tahap sederhana (min=2.31). Manakala skor min bagi aktiviti hafazan responden pula ialah pada tahap sederhana (min=2.26).

Jadual 4.11

Taburan Responden Mengikut Kekerapan, Peratus, Min, Sisihan Piawai dan Tahap Bagi Aktiviti Hafazan (n=226)

Bil	item	TP	JJ	K	SK	Min	SP	Tahap
		1	2	3	4			
1	Saya murajaah hafazan setiap hari	3 1.3%	60 26.5%	118 52.2%	45 19.9%	2.91	0.715	sederhana

2	Saya melakukan murajaah dengan melihat kefahaman makna ayat	7 3.1%	98 43.4%	74 32.7%	47 20.8%	2.71	0.828	sederhana
3	Saya melakukan murajaah dengan tasmi bersama kawan	18 8.0%	137 60.6%	55 24.3%	16 7.1%	2.31	0.718	sederhana
4	Saya melakukan murajaah dengan tasmi bersama guru	33 14.6%	110 48.7%	64 28.3%	19 8.4%	2.31	0.822	sederhana
5	Saya menduduki ujian syafawi al-Quran 30 juzuk al-Quran	114 50.4%	59 26.1%	32 14.2%	21 9.3%	1.82	0.995	rendah
6	Saya menduduki ujian tahriri al-Quran 30 juzuk al-Quran	117 51.8%	57 25.2%	31 13.7%	21 9.3%	1.81	0.997	rendah
7	Saya menulis ayat-ayat yang sukar untuk diingatkan semasa murajaah	83 36.7%	107 47.3%	28 12.4%	8 3.5%	1.83	0.778	rendah
8	Saya melakukan ujian tebuk sama ada dengan rakan atau guru	21 9.3%	120 53.1%	67 29.6%	18 8.0%	2.36	0.761	sederhana
9	Saya melakukan murajaah di dalam solat	12 5.3%	145 64.2%	57 25.2%	12 5.3%	2.31	0.653	sederhana
PURATA						2.26	0.453	sederhana

Dari aspek jumlah responden mengikut tahap penyertaan dalam aktiviti hafazan pelajar adalah berdasarkan Jadual 4.12. Jadual 4.12 menunjukkan jumlah responden mengikut tahap penyertaan dalam aktiviti hafazan. Seramai 59.26% orang responden mempunyai pencapaian pada tahap sederhana diikuti seramai 36.28% pada tahap rendah manakala 4.42% pada tahap tinggi.

Jadual 4.12

Kekerapan Responden Mengikut Tahap Penguasaan Hafazan Responden

Tahap Pencapaian	Julat min	Kekerapan	Peratus
Rendah	0.00 - 2.00	82	36.28%
Sederhana	2.01 - 3.00	134	59.29%
Tinggi	3.01 - 4.00	10	4.42%

4.1.7 Analisis Pengekalan Hafazan Responden

Analisis pengekalan hafazan responden adalah berdasarkan kepada Jadual 4.13 yang menunjukkan skor min, sisihan piawai dan tahap bagi pencapaian, ulangan, penguasaan, aktiviti dan pengekalan hafazan. Pengekalan hafazan responden adalah pada tahap sederhana (skor min=2.184). Ini terhasil daripada empat konstruk iaitu pencapaian (min=2.878), ulangan (min=1.12), penguasaan (min=2.472) dan aktiviti (min=2.261).

Jadual 4.13

Skor Min, Sisihan Piawai dan Tahap bagi Pencapaian, Jumlah Ulangan, Penguasaan, Penyertaan, Aktiviti dan Pengekalan Hafazan

Bil	Konstrak	Min	SP	Tahap
1	Pencapaian	2.878	0.384	sederhana
2	Ulangan	1.12	0.330	rendah
3	Penguasaan	2.472	0.484	sederhana
4	Aktiviti	2.261	0.453	sederhana
5	Pengekalan	2.184	0.384	sederhana

Dari aspek kekerapan responden mengikut tahap pengekalan hafazan Jadual 4.14 menunjukkan kekerapan responden mengikut tahap pengekalan hafazan. Seramai

71.68% orang responden mempunyai pencapaian pada tahap sederhana diikuti seramai 26.55% pada tahap rendah manakala 1.77% pada tahap rendah.

Jadual 4.14

Kekerapan Responden Mengikut Tahap Pengkelan Hafazan Responden

Tahap Pengkelan Hafazan	Julat min	Kekerapan	Peratus
Rendah	0.00 - 2.00	60	26.55%
Sederhana	2.01 - 3.00	162	71.68%
Tinggi	3.01 - 4.00	4	1.77%

4.1.8 Analisis Korelasi Antara Aktiviti-Aktiviti Hafazan dengan Pengkelan Hafazan

Jadual 4.15 menunjukkan ujian korelasi melibatkan aktiviti-aktiviti hafazan dengan pengkelan hafazan. Dapatan kajian menunjukkan kesemua aktiviti-aktiviti hafazan mempunyai hubungan yang signifikan dengan pengkelan hafazan dan mempunyai hubungan yang positif. Walaubagaimanapun, hubungan korelasi tersebut ialah pada tahap lemah kecuali aktiviti melakukan murajaah dengan melihat kefahaman makna ayat yang mempunyai hubungan korelasi sangat lemah. Ini bermakna semakin banyak aktiviti tersebut dilakukan, semakin tinggi pengkelan hafazan. Bagi aktiviti melakukan murajaah hafazan setiap hari, nilai r ialah 0.430. Bagi aktiviti melakukan murajaah dengan tasmi' bersama kawan, nilai r ialah 0.379. Bagi aktiviti menulis ayat-ayat yang sukar untuk diingati semasa murajaah memperoleh nilai r ialah 0.369. Manakala bagi aktiviti melakukan ujian tebuk dengan kawan atau dengan guru pula menunjukkan nilai r bersamaan dengan 0.346. Selain itu, bagi aktiviti menduduki ujian syafawi, aktiviti murajaah di dalam solat dan menduduki ujian tahriri pula memperoleh

nilai r masing-masing adalah 0.326 dan 0.316. Manakala bagi aktiviti menduduki ujian tahriri, dan menduduki ujian tahriri pula memperoleh nilai r masing-masing adalah 0.326 dan 0.316.

Jadual 4.15

Keputusan Analisis Korelasi Antara Aktiviti-Aktiviti Dengan Pengekalan Hafazan

Aktiviti Hafazan	N	Korelasi (r)	Signifikan (p)	Tafsiran hubungan
Murajaah setiap hari	226	0.430	0.000	Positif, korelasi lemah
Tasmi' dengan kawan	226	0.379	0.000	Positif, korelasi lemah
Menulis ayat sukar	226	0.369	0.000	Positif, korelasi lemah
Melakukan ujian tebuk	226	0.346	0.000	Positif, korelasi lemah
Menduduki ujian syafawi	226	0.326	0.000	Positif, korelasi lemah
Murajaah dalam solat	226	0.316	0.000	Positif, korelasi lemah
Menduduki ujian tahriri	226	0.303	0.000	Positif, korelasi lemah
Tasmi' dengan guru	226	0.285	0.000	Positif, korelasi lemah
Kefahaman makna	226	0.144	0.030	Positif, korelasi sangat lemah